



**KETUA PENGARAH
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

Aras 5, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

: +603-8886 5082
: +603-8889 2351
: www.dosh.gov.my
: mhatta@mohr.gov.my

Ruj Kami: JKKP BC 127/789/1 klt. 13(87)

Ruj Tuan: -

Tarikh: 24. JULAI 2024

SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**PELANTIKAN PEMASANG PERANCAH BAGI MENJALANKAN KERJA
PEMASANGAN, PENGUBAHSUAIAN DAN PEROMBAKAN PERANCAH**

Dengan penuh takzim, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan telah menetapkan bahawa semua pengendali perancah ditukar daripada orang kompeten kepada orang terlatih yang dikenali sebagai pemasang perancah. Peraturan 17(1)(e) Peraturan CDM 2024 menetapkan "Mana-mana kontraktor kerja pembinaan tidak boleh mengambil, menggaji atau melantik mana-mana orang untuk bekerja di tapak pembinaan melainkan orang itu mempunyai skil, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang perlu untuk menjalankan tugas yang diperuntukkan kepada orang itu dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan mana-mana orang yang bekerja di tapak pembinaan."



ISO
9001
Quality
Management

STANDARDS
MALESIAS
QS CB 27



ISO
45001
Health & Safety
Management

STANDARDS
MALESIAS
CSH CB 11



ISO
37001
Anti-Bribery
Management

STANDARDS
MALESIAS
ACB ABM3 02

PELANTIKAN PEMASANG PERANCAH BAGI MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN, PENGUBAHSUAIAN DAN PEROMBAKAN PERANCAH

3. Bagi maksud pematuhan peraturan ini, pelantikan pekerja bagi menjalankan kerja pemasangan, pengubahsuaian dan perombakan perancah hendaklah dibuat berdasarkan sijil latihan pemasang perancah yang diperoleh daripada penyedia latihan berdaftar (PLB) dengan JKPP. Senarai PLB dengan JKPP boleh dicapai melalui pautan berikut:

<https://docs.google.com/document/d/1goVK7p76PqluTvDoYO2w3GJdWloUUvLQhRjZ5jfNbos/edit>

4. Berikutan pemansuhan Peraturan BOWECS, pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran pengendali perancah (sekarang dikenali sebagai pemasang perancah) dalam myKKP telah dihentikan. Sehubungan itu, pelantikan pemasang perancah bagi menjalankan kerja pemasangan, pengubahsuaian dan perombakan perancah hendaklah dibuat dengan tidak merujuk status pendaftaran pengendali perancah (sekarang dikenali sebagai pemasang perancah) tersebut dalam sistem myKKP. Buat masa ini, sijil pemasang perancah yang dimiliki daripada PLB dengan JKPP hendaklah dianggap sebagai memenuhi keperluan skil, pengetahuan, latihan dan bagi Peraturan 17(1)(e).

5. Jabatan juga telah menerbitkan soalan-soalan lazim berkaitan pengurusan perubahan pemansuhan Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Pembinaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (Peraturan BOWECS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:

<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/soalan-lazim-perundangan/4798-faq-moc-bowec-pemansuhan/file>.

PELANTIKAN PEMASANG PERANCAH BAGI MENJALANKAN KERJA PEMASANGAN, PENGUBAHSUAIAN DAN PEROMBAKAN PERANCAH

6. Surat ini akan terbatal dengan sendirinya apabila terdapat surat atau arahan atau peraturan yang terkini berkaitan pengendali perancah. Surat ini membatalkan arahan terdahulu yang dikeluarkan melalui surat arahan jabatan JKPP DP 127/656/1-2 KLT 1 (2) bertarikh 14 Februari 2018. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Dr. Mohamad Syamir bin Senin melalui e-mel syamir@mohr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. Hj. MOHD HATTA BIN ZAKARIA)

sk.bktb